

UMP tawar program dwiijazah

Oleh Mimi Rabita Abdul Wahit
bhvarsiti@bh.com.my

Reutlingen

Universiti Malaysia Pahang (UMP) bekerjasama dengan Reutlingen University (RU), Jerman bagi menawarkan program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan dengan kepujian, yang pertama seumpamanya di negara ini.


Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata program dwiijazah yang akan ditawarkan pada sesi

akademik 2015/2016 itu membolehkan pelajar memperoleh Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Perniagaan UMP dan Ijazah Sarjana Muda Operasi Antara-bangsa dan Pengurusan Logistik RU apabila tamat pengajian.

Selain itu, katanya, pelajar cemerlang yang memenuhi pencapaian akademik ditetapkan berpeluang menyambung pengajian pada tahun ketiga dan keempat di RU.

"Profesor dari ESB Business School RU akan menjadi sebahagian daripada tenaga pengajar di UMP bagi membolehkan pelajar mendapat pendedahan berkaitan teknologi kejuruteraan Jerman.

Integrasi pengetahuan



Prof Daing Nasir (depan kiri) dan Prof Brumme bersama-sama pengurusan kanan universiti selepas Majlis Menandatangani memorandum antara UMP dan RU di Reutlingen, Jerman.

"Penguasaan bahasa Jerman yang baik juga membolehkan pelajar berkhidmat dengan syarikat Jerman, malahan mampu mengintegrasikan pengetahuan dan kemahiran kejuruteraan perniagaan dalam orga-

nisasi," katanya ketika ditemui selepas Majlis Menandatangani memorandum Persefahaman antara UMP dan RU di sini.

Yang turut hadir ialah Presiden RU, Prof Dr Hendrik Brumme.

Prof Daing Nasir yakin, kerjasama itu mampu meningkatkan daya saing graduan dalam pasaran pekerjaan termasuk sebagai eksekutif pengeluaran, jurutera, perancang pembuatan, jurutera proses

kejuruteraan, jurutera industri, eksekutif logistik, eksekutif rantaian pembekal, eksekutif kualiti atau jurutera, eksekutif projek, eksekutif pembangunan perniagaan dan bidang perolehan.